

# Malaysia mohon kuota tambahan jemaah haji

Perdana Menteri turut pelawa lebih banyak syarikat Arab Saudi labur di Kuala Lumpur



**Riyadh:** Tan Sri Muhyiddin Yassin mengemukakan permohonan, agar kuota rasmi jemaah haji dari Malaysia, ditingkatkan oleh Kerajaan Arab Saudi, daripada 31,600 orang ketika ini.

Selain kuota rasmi, Perdana Menteri turut menyampaikan permohonan mendapatkan kuota tambahan jemaah haji ekoran pertumbuhan penduduk Malaysia yang kini seramai 31.95 juta orang.

Pada masa sama, Malaysia juga meminta Kerajaan Arab Saudi membenarkan jemaah umrah negara ini, diberikan peluang kembali menunaikan ibadah itu dalam tempoh terdekat.

Permintaan berkenaan disampaikan Perdana Menteri di dalam pertemuan bersama Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Mohammed Bin Raja Salman, di

sini, semalam.

Perundingan dan perbincangan berkaitan kuota jemaah haji dan umrah adalah di antara fokus lawatan rasmi empat hari Perdana Menteri ke Arab Saudi.

Ia termasuk menginstitusikan Inisiatif Makkah Road yang antara lain bertujuan memudahkan praperlepasan jemaah.

Berkaitan bidang perdagangan, Perdana Menteri juga menyatakan hasrat Malaysia membuka pejabat Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Arab Saudi.

Pada sesi itu, Muhyiddin turut menyatakan keyakinan potensi Malaysia menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk bekerjasama dengan Pertubuhan Standard, Metrologi dan Kualiti Arab Saudi (SASO) dalam industri halal.

Perdana Menteri dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, berada di sini sejak Sabtu bagi lawatan rasmi atas jemputan Raja Salman, kali pertama sejak menjawat jawatan pada Mac tahun lalu.

Turut dibincangkan dalam pertemuan itu ialah mengenai isu kepentingan bersama kedua-dua negara sebelum beliau diraikan pada majlis makan.

Turut menyertai Perdana Menteri dalam perbincangan itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Muhammad Shahrul

Ikram Yaakob dan Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Datuk Abd Razak Abdul Wahab.

Muhyiddin berkata, Malaysia amat menghargai kesudian Raja Salman menerima lawatan rasminya sebagai ketua kerajaan yang pertama selepas Persidangan Al Ula pada 5 Januari 2020.

“Malaysia gembira dengan hubungan baik di antara kedua-dua negara umat Islam ini,” katanya.

Beliau juga menyatakan komitmen Malaysia memperkukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Pada sesi sama, Muhyiddin turut menyatakan penghargaan Malaysia terhadap bantuan peralatan kesihatan daripada Arab Saudi menerusi King Salman Humanitarian Aid and Relief Centre (KSRelief) untuk membantu memerangi COVID-19 di Malaysia.

Malaysia juga, katanya, mengalu-alukan penubuhan Majlis Penyelarasan Arab Saudi-Malaysia (SMCC) bagi membolehkan perundingan dan perbincangan secara berkala dalam pelbagai sektor antara kedua-dua negara.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut mempelawa lebih banyak syarikat dari Arab Saudi untuk melabur di Malaysia.

Malam tadi, Muhyiddin berlepas ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) bagi lawatan rasmi dua hari sebelum kembali ke Kuala Lumpur esok.